

‘Sembunyi’ wang di luar pesisir: Malaysia antara yang tertinggi

Oleh **MOHD. FADHLI**
MOHD. SULAIMAN
fadhli.sulaiman@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Malaysia adalah antara negara yang tertinggi menyaksikan wang bernilai berbilion dolar Amerika dibawa keluar bagi tujuan ‘disembunyikan’ dalam bank dan akaun-akaun luar pesisir oleh pemimpin politik dan ahli perniagaan.

Ia berdasarkan laporan Integriti Kewangan Global (GFI) melibatkan dua kes pada tahun berlainan iaitu Panama Papers (2010) dan Pandora Papers (2017) mengenai akaun luar pesisir milik rakyat Malaysia di beberapa negara luar.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bagaimanapun tidak menyatakan jumlah wang yang terlibat, namun wang itu dipercayai hasil daripada aktiviti haram termasuk membabitkan bekas pemimpin-pemimpin negara.

“Memang ada yang sebut beberapa negara besar lain seperti China, Arab Saudi dan sebagai-



ANWAR Ibrahim ketika menjawab soalan semasa sesi pertanyaan-pertanyaan menteri di Dewan Rakyat semalam.

nya tetapi Malaysia itu di tingkat atas. Jumlah wang dalam laporan GFI sehingga pendedahan Pandora Papers dari Malaysia itu agak tinggi berbanding jumlah penduduk dan kedudukan

ekonomi,” katanya semasa waktu pertanyaan-pertanyaan menteri di Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata demikian menjawab soalan tambahan Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad (BN-

Parit Sulong) mengenai langkah yang sedang diambil kerajaan untuk memastikan ketelusan dan akauntabiliti institusi dalam isu melibatkan Pandora Papers.

Anwar berkata, isu tersebut akan disiasat oleh pelbagai pihak berkuasa termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bank Negara Malaysia (BNM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LDHN) dan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA).

“Dari mana sumbernya itu sedang dalam siasatan dan saya puas hati dengan langkah yang diambil tanpa mengira dari puak mana (mereka yang terlibat) dan harus ada tindakan tegas (terhadap mereka).

“Tetapi, untuk menghalang tindakan ini (menyimpan wang di syarikat luar pesisir) berterusan, Kementerian Kewangan menetapkan supaya proses tender itu lebih telus, amalan menggunakan peluang kononnya atas membantu bumiputera, maka ‘disonglap’ mereka punya wang, ini tidak

boleh diizinkan,” katanya.

Pandora Papers merujuk kepada kebocoran dokumen kewangan dan rekod lain daripada 14 penyedia perkhidmatan luar pesisir yang menubuhkan dan mengurus syarikat shell dan firma pemegang amanah di kawasan cukai di seluruh dunia.

Dalam pada itu, kata Anwar, penyelesaian terhadap kes melibatkan Pandora Papers memerlukan tekad politik daripada kerajaan.

Katanya, kerajaan terdahulu tidak mempunyai tekad sama menyaksikan tiada siasatan dilakukan bermula isu Panama Papers (2010) hingga Pandora Papers (2017).

Katanya, tindakan pendakwaan hanya akan dilakukan berdasarkan bukti dan fakta yang diperoleh.

“Kalau ada bukti dan fakta, maka tindakan diambil. Kalau tindakan diambil tanpa fakta, maka itu ia boleh dicabar sebagai penyalahgunaan kuasa ataupun dikatakan motif politik,” katanya.